

182

No. Soalan: 67
PR-1353-T01202

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

**SOALAN : Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali
[Sipitang] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah bentuk bantuan yang
sudah diberikan oleh Malaysia bagi membantu
serta menangani isu membabitkan minoriti
Islam Rohingya di Myanmar.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih YB Sipitang di atas pertanyaan yang diajukan.

2. Malaysia sememangnya amat prihatin terhadap tindakan kejaman dan penindasan yang dihadapi oleh etnik Rohingya. Selain daripada membawa isu ini ke perhatian antarabangsa, Malaysia juga telah menghantar bantuan bagi meringankan penderitaan etnik Rohingya.

3. Semasa Sesi Tergempar di Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri OIC mengenai situasi minoriti Islam Rohingya di Myanmar pada 19 Januari 2017 di Kuala Lumpur, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM10 juta bagi membiayai usaha kemanusiaan dan projek pemulihan sosial di Rakhine.

4. Seterusnya pada tahun yang sama, Kelab Putra 1 Malaysia (KP1M) dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) telah menganjurkan secara bersama Misi Kemanusiaan '*Food Flotilla for Myanmar*' ke Yangon, Myanmar dan Cox's Bazar, Bangladesh. Pelepasan (*flag-off*) misi kemanusiaan tersebut telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 Februari 2017 di Pelabuhan Klang.

5. Misi kemanusiaan ini membawa kira-kira sebanyak 2,000 tan barangan keperluan seperti makanan, perubatan dan '*hygiene kits*' dengan kapal Nautical Aliya. Seramai lebih kurang 200 orang sukarelawan dari

184

pelbagai negara turut terlibat dalam misi kemanusiaan ini meliputi negara-negara ASEAN, Amerika Syarikat, Perancis dan China.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Misi kemanusiaan yang sama juga telah dianjurkan oleh KP1M pada bulan Oktober 2012, berikutan konflik di Rakhine yang tercetus pada bulan Jun 2012.

7. Susulan daripada insiden keganasan terkini yang tercetus pada 25 Ogos 2017 di Rakhine, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan iM4U, dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah kelolaan Pejabat Perdana Menteri untuk menghantar bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya di Bangladesh bagi mengurangkan bebanan Kerajaan Bangladesh yang menerima kemasukan pelarian Rohingya yang tinggi dalam masa yang singkat ke Bangladesh. Sebanyak 12 tan barangan keperluan seperti beras, susu dan *'hygiene kits'* telah dibawa melalui pesawat tentera A400 selamat tiba di Chittagong pada 9 September 2017.

8. Pada 7 Oktober 2017, bantuan kemanusiaan susulan sebanyak 29.57 tan telah dihantar ke Chittagong, Bangladesh melalui pesawat MASKargo. Bantuan kemanusiaan ini diagihkan ke kem-kem pelarian Rohingya di sekitar sempadan Bangladesh-Myanmar. Pihak iM4U di bawah kelolaan Pejabat Perdana Menteri bercadang untuk menghantar keseluruhan 72 tan bantuan kemanusiaan untuk pelarian Rohingya di Bangladesh secara berperingkat.

9. YAB Perdana Menteri telah mengarahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menerajui inisiatif bagi menubuhkan sebuah hospital medan di kawasan berhampiran kem-kem pelarian Cox's Bazar, Bangladesh dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Hospital medan ini akan beroperasi dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Selain daripada bantuan yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia seperti MERCY Malaysia, MAPIM, KP1M, Global Peace Malaysia (GPM), *Malaysian Relief Agency* (MRA) dan Serantau Muslim aktif menjalankan kerja-kerja kemanusiaan di Rakhine.

11. Aktiviti kemanusiaan yang dijalankan oleh NGO-NGO ini adalah hasil daripada sumbangan yang disalurkan dan sokongan daripada rakyat Malaysia yang prihatin dan bersimpati akan penderitaan etnik Rohingya di Rakhine.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (68)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]

SOALAN :-

YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sehingga kini berapa unit rumah mampu milik dibina di seluruh negara di bawah pelbagai inisiatif Kerajaan Persekutuan termasuk melalui projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selain Kerajaan Negeri.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Program 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2013 melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Status Pelaksanaan Program 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) adalah seperti berikut :-

**STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM – 2013 HINGGA 15 OKTOBER 2017
(KESELURUHAN)**

Agensi	Sasaran Awal	Sasaran Tambahan	Siap	%	Pembinaan	%	Perancangan	%	Baki Komitmen	%	Jumlah
PR1MA	500,000	0	10,199	2.0	141,661	28.3	108,021	21.6	240,119	48.0	500,000
SWASTA	150,000	5,582	132,238	88.2	23,344	15.6	0	0.0	0	0.0	155,582
NEGERI	140,721	318	31,334	22.3	29,622	21.1	79,447	56.5	0	0.0	140,403
PPA1M	100,000	100,000	3,998	4.0	25,064	25.1	99,871	99.9	71,067	71.1	200,000
SPNB	99,974	0	31,421	31.4	12,645	12.6	55,908	55.9	0	0.0	99,974
KPKT	60,789	2,371	23,478	38.6	21,957	36.1	7,725	12.7	10,000	16.5	63,160
KWP	8,405	71,595	4,603	54.8	21,263	253.0	47,048	559.8	7,086	84.3	80,000
FELDA	20,000	0	2,574	12.9	5,880	29.4	11,546	57.7	0	0.0	20,000
KKLW	12,475	7,512	11,075	88.8	495	4.0	8,415	67.5	2	0.0	19,987
PERDA	3,991	4,412	1,865	46.7	212	5.3	6,326	158.5	0	0.0	8,403
BPPBPP	7,253	2,453	2,202	30.4	1,142	15.7	6,362	87.7	0	0.0	9,706
MINDEF	4,043	303	304	7.5	1,055	26.1	0	0.0	2,987	73.9	4,346
MOA	3,977	-1,953	0	0.0	478	12.0	1,546	38.9	0	0.0	2,024
JAWHAR	0	229	0	0.0	229	100.0	0	0.0	0	0.0	229
MOF	0	4,000	50	1.3	50	1.3	200	5.0	3,700	92.5	4,000
JUMLAH OKT 2017	1,111,628	196,186	255,341	23.0	285,097	25.6	432,415	38.9	334,961	12.5	1,307,814

**STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM – 2013 HINGGA 15 OKTOBER 2017
(TIDAK TERMASUK KERAJAAN NEGERI)**

Agensi	Sasaran	Sasaran Tambahan	Siap	%	Pembinaan	%	Perancangan	%	Baki Komitmen	%	Jumlah
	Awal										
PR1MA	500,000	0	10,199	2.0	141,661	28.3	108,021	21.6	240,119	48.0	500,000
SWASTA	150,000	5,582	132,238	88.2	23,344	15.6	0	0.0	0	0.0	155,582
PPA1M	100,000	100,000	3,998	4.0	25,064	25.1	99,871	99.9	71,067	71.1	200,000
SPNB	99,974	0	31,421	31.4	12,645	12.6	55,908	55.9	0	0.0	99,974
KPKT	60,789	2,371	23,478	38.6	21,957	36.1	7,725	12.7	10,000	16.5	63,160
KWP	8,405	71,595	4,603	54.8	21,263	253.0	47,048	559.8	7,086	84.3	80,000
FELDA	20,000	0	2,574	12.9	5,880	29.4	11,546	57.7	0	0.0	20,000
KKLW	12,475	7,512	11,075	88.8	495	4.0	8,415	67.5	2	0.0	19,987
PERDA	3,991	4,412	1,865	46.7	212	5.3	6,326	158.5	0	0.0	3,403
BPPBPP	7,253	2,458	2,202	30.4	1,142	15.7	6,362	87.7	0	0.0	9,706
MINDEF	4,043	303	304	7.5	1,055	26.1	0	0.0	2,987	73.9	4,346
MOA	3,977	-1,953	0	0.0	478	12.0	1,546	38.9	0	0.0	2,024
JAWHAR	0	229	0	0.0	229	100.0	0	0.0	0	0.0	229
MOF	0	4,000	50	1.3	50	1.3	200	5.0	3,700	92.5	4,000
JUMLAH OKT 2017	970,907	196,504	224,007	23.1	255,475	26.3	352,968	36.4	334,961	14.3	1,167,411

190

**STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM
(TIDAK TERMASUK KERAJAAN NEGERI)
2013 HINGGA 15 OKTOBER 2017**

BIL	STATUS PERLAKSANAAN	BIL UNIT
		224,007
1	SIAP	(23.1%)
2	DALAM PEMBINAAN	255,475 (26.3%)
3	DALAM PERANCANGAN	352,968 (36.4%)
4.	BAKI KOMITMEN	334,961 (14.3%)

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017

RT3/69

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
DARIPADA [SIPITANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dilaksana bagi memperkasakan sistem pendidikan teknik dan vokasional di negara ini, dalam usaha menyediakan modal insan berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Penambahbaikan kepada sistem pendidikan vokasional ini akan menyediakan ruang dan peluang yang lebih luas kepada rakyat seiring dengan Anjakan Satu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa dan Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA. TPV juga bertujuan merealisasikan hasrat kerajaan dalam

memenuhi keperluan tenaga mahir negara bagi mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Antara program yang dilaksanakan KPM bagi melahirkan golongan berkemahiran melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) adalah seperti berikut:

1. Program Kolej Vokasional
2. Program Pendidikan Asas Vokasional
3. Program Kolej Vokasional di ILKA dan ILKS
4. Program Vokasional Menengah Atas
5. Pendidikan Vokasional bagi Murid Berkeperluan Khas
6. Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA)